

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL
PERHUTANAN KURSUS SIJIL
PERHUTANAN RENJER HUTAN SESI 2023-
2025 DAN SIJIL PERHUTANAN KURSUS
SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN
SESI 2024-2025 KE 37 INSTITUT LATIHAN
PERHUTANAN (FORTRAIN) TAHUN 2026**

4 FEBRUARI 2026 (RABU)

**BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN,
KEPONG, SELANGOR**

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

Terima kasih saudara/saudari pengacara
majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia MADANI

1. **Yang Berbahagia Dato' Hj. Zahari bin
Ibrahim**

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

2. **Yang Berbahagia Dato' Norhaidi bin
Yunus**

Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan
JPSM

3. Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

4. Pegawai-pegawai Kanan

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

5. Ibu bapa, keluarga dan para graduan Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2023-2025 dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2024-2025 ke-37; serta
6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atas jemputan ke Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2023–2025 dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2024–

2025 ke-37 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN).

2. Tahniah dan syabas kepada seratus tiga belas (113) orang graduan yang diraikan pada hari ini. Kejayaan ini bukan sekadar pencapaian akademik atau kemahiran teknikal, tetapi merupakan manifestasi disiplin, ketahanan fizikal dan mental, serta kesediaan saudara dan saudari untuk memikul amanah besar dalam melindungi dan mengurus khazanah hutan negara.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga pendidik FORTRAIN atas sumbangan dan pengorbanan dalam membentuk sahsiah, ilmu dan jati diri

para pelatih. Sesungguhnya, kejayaan graduan hari ini adalah cerminan dedikasi para pendidik yang mendidik dengan penuh keikhlasan dan amanah.

SATU ABAD FORTRAIN: KELAHIRAN 'GRADUAN ABAD INI'

4. Saudara dan saudari amat bertuah. Anda bukan sekadar graduan biasa, tetapi anda adalah **'Graduan Abad Ini' (Centennial Batch)**. Anda menamatkan latihan ketika institusi keramat ini mencecah usia satu abad. Justeru, andalah yang bakal melakar sejarah dan menetapkan tanda aras baharu untuk 100 tahun yang akan datang.

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

5. Sejak penubuhannya, institusi ini telah melahirkan seramai Enam Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Sembilan (6,369) orang graduan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan yang menjadi tulang belakang kelestarian hutan negara.

6. Selain itu, apa yang membanggakan, kualiti latihan di FORTRAIN sentiasa ditambah baik dan diperkasakan agar selari dengan tuntutan teknologi perhutanan moden. Ini memastikan graduan yang dihasilkan bukan sahaja mahir dalam aspek kerja lapangan, malah memiliki kecekapan dalam mengendalikan aplikasi digital perhutanan yang menjadi keperluan masa kini.

7. Kecekapan inilah yang memperkasakan peranan saudara dan saudari sebagai barisan hadapan dalam ekosistem pengurusan serta perlindungan hutan. Memikul amanah sebagai benteng utama, graduan FORTRAIN bertanggungjawab menggalas tugas penguatkuasaan undang-undang, melaksanakan rondaan strategik, serta memastikan tadbir urus Hutan Simpanan Kekal khususnya di kawasan Hutan Simpanan Kekal di negeri-negeri dilaksanakan secara berkekalan dan berkesan

**YB Timbalan Menteri, Datuk/ Dato'/
Datu/Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

**INSPIRASI ALUMNI: CABARAN MEMIMPIN
MASA DEPAN**

8. FORTRAIN berbangga kerana graduannya bukan sahaja berjaya menamatkan latihan, malah telah membuktikan keupayaan mereka melalui pencapaian yang cemerlang dan sumbangan kepada sektor perhutanan negara. Ramai dalam kalangan mereka kini menggalas tanggungjawab penting sebagai penjawat awam sehingga ke peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Jabatan Perhutanan antaranya:

- i. Encik Harry Yong, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Pahang;

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

- ii. Encik Muhamad Azizun bin Jaafar, Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang; serta
 - iii. Encik Hasmi bin Hamida, Renjer Hutan di JPN Selangor yang turut menerajui Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sebagai Setiausaha Agung.
9. Kejayaan tokoh-tokoh yang saya sebutkan tadi menjadi bukti jelas bahawa FORTRAIN berupaya melahirkan modal insan berkaliber tinggi. Saya menyebut nama-nama hebat ini bukan sekadar untuk dibanggakan, tetapi untuk mencabar anda semua. Lihatlah orang di sebelah kiri dan kanan anda.

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

10. Saya mahu melihat, dalam masa 10 atau 20 tahun akan datang, ada dalam kalangan anda yang berdiri memimpin Jabatan Perhutanan Negeri atau menjadi suara utama penjawat awam. Adakah anda bersedia menyahut cabaran ini? Sesungguhnya, anda perlu bersedia memikul amanah kepimpinan demi kepentingan jabatan, negeri dan negara.

Hadirin sekalian,

KOMPETENSI & AMANAH PENJAGA

KHAZANAH

10. Baru dua minggu yang lalu, semasa Majlis Amanat Tahun Baharu Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya telah menegaskan dengan iltizam yang tinggi

bahawa tahun 2026 bukan lagi fasa untuk kita sekadar merencana. Sebaliknya, tahun ini adalah **Tahun Pelaksanaan dan Pecutan** bagi setiap agenda yang telah digariskan.

11. Sehubungan dengan itu, para graduan FORTRAIN yang diraikan pada hari ini merupakan ejen pelaksana dan penggerak utama kepada hasrat tersebut. Latihan intensif yang saudara dan saudari lalui bukan sekadar persediaan untuk mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam, malah ia merupakan kunci utama untuk meneroka peluang dalam sektor swasta, agensi alam sekitar, landskap, ekopelancongan, serta penyelidikan dan keusahawanan hijau. Di bawah payung ekonomi hijau

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

dan pembangunan lestari, ilmu serta kemahiran yang saudara-saudari miliki kini merupakan aset negara yang mempunyai nilai strategik yang amat tinggi.

12. Kejayaan hari ini adalah titik permulaan kepada perjalanan yang lebih mencabar. Umpama sebatang pohon, walau setinggi mana ia menjulang ke langit, kekuatannya tetap pada akarnya yang mencengkam bumi. Begitu juga saudara-saudari – ilmu adalah akar, integriti adalah batang yang teguh, dan khidmat bakti adalah buahnya yang dinikmati rakyat.
13. Anggaphlah majlis penganugerahan hari ini bukan sebagai garis penamat, tetapi

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

sebagai permulaan untuk terus menyuburkan 'akar' ilmu dan memperkukuh profesionalisme anda. Masa hadapan sektor perhutanan negara amat menuntut ketersediaan modal insan yang cekal, berpengetahuan luas, dan mempunyai tahap integriti yang tertinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, AGENDA 2026: TAHUN PELAKSANAAN & POTENSI EKONOMI HIJAU

14. Ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2026, YAB Perdana Menteri telah menekankan pembangunan mampan dan keadilan sosial, pemeliharaan khazanah alam adalah amanah yang mesti dijaga demi generasi akan datang. Dalam konteks ini, sektor perhutanan

SILA SEMAK SEMASA UCAPAN

memikul mandat strategik untuk mengekalkan kestabilan ekologi negara, menyokong ekonomi hijau, serta memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat.

15. Sehubungan itu, peranan saudara dan saudari sebagai Renjer serta Pengawas Hutan kini menjadi semakin signifikan, terutamanya dalam memenuhi komitmen Malaysia terhadap agenda perubahan iklim. Sebagai 'wira di barisan hadapan', saudara dan saudari adalah mata serta telinga yang bertanggungjawab memastikan litupan hutan negara kekal terpelihara dan diuruskan secara berkekalan.

16. Selaras dengan aspirasi YAB Perdana Menteri untuk melonjakkan kecekapan tadbir urus melalui teknologi maju, warga perhutanan masa kini perlu menguasai inovasi seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS), penderiaan jauh dan dron. Namun ingatlah, teknologi secanggih mana pun tidak bermakna tanpa kebijaksanaan manusia yang mengendalikannya. Dron boleh memantau dari udara, tetapi **adalah yang bertindak di lapangan**. Gabungan teknologi pintar dan intuisi renjer hutan adalah benteng pertahanan negara yang sebenar, membolehkan perancangan pengurusan hutan dilaksanakan dengan lebih strategik.

17. Di samping itu, kefahaman terhadap isu perubahan iklim, ekonomi hijau, perkhidmatan ekosistem dan komitmen antarabangsa akan menjadi nilai tambah yang besar buat saudara dan saudari sekalian. Sesungguhnya, sinergi antara kemahiran teknikal, kekuatan insaniah, dan pemikiran strategik inilah yang bakal melahirkan barisan Renjer serta Pengawas Hutan yang berintegriti tinggi, mampu membuat keputusan tepat serta berani bertindak demi menjamin kelestarian khazanah hutan negara buat generasi akan datang.

Hadirin sekalian,

FASILITI BAHARU & EKOSISTEM LATIHAN

18. Dari aspek pembangunan prasarana latihan, saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Ekonomi** atas kelulusan peruntukan sebanyak **Dua Puluh Perpuluhan Lapan Juta Ringgit (RM20.8 juta)** di bawah Rancangan **Malaysia Ke-12** bagi pembangunan **dua bangunan asrama FORTRAIN** yang menyediakan 98 bilik dan mampu menempatkan 196 pelatih pada satu-satu masa.

19. Saya percaya penyediaan kemudahan yang kondusif merupakan elemen penting dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang holistik. Ia bukan sekadar tentang keselesaan, malah bertujuan menyuntik inspirasi serta

semangat kecemerlangan dalam diri setiap pelatih yang menuntut di sini.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

20. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin memetik pesanan YAB Perdana Menteri: "Gunakanlah kuasa dan amanah yang ada untuk melakukan islah (pembaikan)". Pesanan ini bukan sekadar nasihat, tetapi menjadi panduan dan tanggungjawab yang harus dipegang teguh oleh setiap individu dalam menjalankan amanah dan tugas dengan penuh integriti.

21. **Kepada Seratus Tiga Belas (113) orang graduan yang diraikan pada**

hari ini, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan anda. Jadikan integriti kompas utama, manakala disiplin, ilmu dan dedikasi sebagai asas untuk menyumbang secara bermakna kepada kelestarian hutan negara.

22. Dengan ini, saya merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2023–2025 dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2024–2025 ke-37 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN).

Sekian, terima kasih.